

SH 4/10/2020 (13)

PLUS ingatkan orang ramai terus patuhi SOP

SHAH ALAM - PLUS Malaysia Berhad (PLUS) mengingatkan orang ramai supaya terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) apabila berada di kawasan awam seperti di kawasan rehat dan rawat (R&R), hentian sebelah dan ketika berinteraksi dengan Pembantu Khidmat Pelanggan PLUS di lorong tol.

Pengarah Urusan PLUS, Datuk Azman Ismail berkata, ia susulan peningkatan jumlah jangkitan koronavirus (Covid-19) secara mendadak di seluruh Malaysia terutama di negeri-negeri dengan rangkaian lebuh raya PLUS beroperasi.

“Dengan kira-kira 1.5 juta kenderaan memasuki lebuh raya setiap hari dan peningkatan jumlah jangkitan Covid-19, ia memerlukan PLUS untuk sentiasa berwaspada.

“Setiap petugas PLUS mematuhi sepenuhnya SOP dengan memakai pelitup muka dan memastikan penjarakkan fizikal satu meter pada setiap masa ketika berinteraksi dengan pelanggan.

“Oleh itu, kami memohon kerjasama yang sama daripada pelanggan kami supaya mematuhi SOP ketika petugas kami memberikan perkhidmatan kepada anda di lebuh raya,” katanya dalam satu kenyataan semalam.



PLUS akan memastikan setiap anggota PLUSRonda mematuhi SOP yang ditetapkan MKN dan KKM.